

22/08/1999

Juruterbang veteran Malaysia dapat perhatian

ULAN UDE (Russia): Seorang juruterbang Malaysia memuji keupayaan helikopter buatan Russia, sebagai lebih baik dan mudah dikendali berbanding dengan pesawat sama buatan negara Barat lain.

Leftenan Kolonel (Bersara) Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) A Munisamy berkata sudah tiba masanya Tentera Udara Diraja Malaysia beralih ke Russia bagi membeli keperluan helikopternya kerana negara itu mengeluarkan pesawat yang serbaguna.

Munisamy, 53, menjadi perhatian ramai pada satu demonstrasi penerbangan di sebuah kilang pengeluaran pesawat terkemuka Russia, yang dilawati oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Sam, menawan udara dengan helikopter MI-171, yang tidak pernah dipandunya itu, dalam satu penerbangan selama 15 minit yang dipertunjukkan kepada Dr Mahathir, yang melawat Kilang Penerbangan Ulan Ude lebih tiga jam.

Beliau yang kini menjadi Pengurus Projek Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd (AIM) tidak memakai pakaian seragam juruterbang sebaliknya segak dengan pakaian sut.

(END)